

KANDUNGAN LIPUTAN HARIAN BULAN MAC 2022

BIL.	TARIKH	TAJUK BERITA	MUKA SURAT
1.	05.03.2022	Kabinet Lulus 3 Projek Impak Tinggi Untuk Jana Perniagaan, Pekerjaan	2
2.	05.03.2022	Projek Mega Pemangkin Strategik Ekonomi	2
3.	12.03.2022	Dua Suspek Direman – Kes Rasuah Projek RM29 Juta	3
4.	17.03.2022	Laporan Isu Kolam Takungan Diserah Kepada SPRM	4
5.	25.03.2022	9 Termasuk Datuk Direman Kes Rasuah Institut Automatif Bernilai RM85 Juta	5

Sabtu, 5 Mac 2022 | 2 Syaaban 1443H | Tel: 1 300 22 6787 | PP 414/10/2012 (030686) | RM2 •



Siasatan polis ke atas suami Zeti didakwa terima dana 1MDB belum selesai

Nasional 17



Polis tahan 'Datuk Seri,' lapan rakan subahat, termasuk enam wanita dalam penipuan pelaburan RM3.32 juta

Nasional 16

ZON

Terapi ubah lelaki bersuara 'wanita' → Muka 36

Kanak-kanak rentung dalam kebakaran kilang proses getah sintetik

Nasional 18



Kabinet lulus 3 projek impak tinggi untuk jana perniagaan, pekerjaan

Oleh Muhammad Yusri Muzamir dan Hazwan Faisal Mohamad
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kabinet bersetuju melaksanakan tiga projek infrastruktur berimpak tinggi merangkumi pembinaan rel ber-

sepadu, lebuh raya serta projek tebatan banjir bagi memangkinkan pembangunan ekonomi, menyumbang daya saing negara dan kesejahteraan rakyat.

Tiga projek itu ialah projek Transit Aliran Massa 3 (MRT3), menambah baik pelaksanaan

projek Lebuh Raya Pan Borneo (LPB) dan projek tebatan banjir.

Mengumumkan demikian, Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata pelaksanaan projek berkenaan akan diberi keutamaan kepada kontraktor tempatan, terutama Bu-

miputera bagi menjana peluang perniagaan serta pekerjaan.

"Pelaksanaan projek infrastruktur berimpak tinggi di Semenanjung, Sabah dan Sarawak ini merangkumi pembinaan rel bersepadu dan lebuh raya serta projek tebatan banjir.

"Ini akan memacu pertumbuhan dan pembangunan ekonomi, khususnya objektif kerajaan untuk terus memperkasa sektor perniagaan serta mencipta 600,000 pekerjaan tahun ini.

Nasional 2

Projek mega pemangkin strategik ekonomi

Dari Muka 1

"Keputusan melaksanakan projek itu juga mencerminkan keprihatinan kerajaan bagi menyediakan pelbagai peluang untuk Keluarga Malaysia dan mengukuhkan momentum pemulihan ekonomi negara," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Perdana Menteri menjelaskan, kerajaan mengambil keputusan meluluskan pelaksanaan projek MRT3 bertujuan melengkapkan infrastruktur pengangkutan awam sedia ada di Lembah Klang, dengan menyediakan perkhidmatan yang bersepadu, mampu bayar dan lancar untuk Keluarga Malaysia.

Projek MRT3 sebelum ini ditangguh di bawah kerajaan Pakatan Harapan (PH) sebelum Kabinet di bawah Tan Sri Muhyiddin Yassin bersetuju untuk meneruskan projek itu tahun lalu.

Projek MRT3 yang awalnya dianggar menelan kos RM45 bilion sebelum ia dikurangkan kepada kira-kira separuh, dirancang

membabitkan jajaran sepanjang 40 kilometer (km). Ia membabitkan aliran pusingan melalui kawasan seperti Jalan Duta, Setia Wangsa, Pandan Indah, Salak Selatan, Bandar Malaysia dan Kerinchi.

Ismail Sabri juga berkata, kerajaan turut bersetuju meneruskan pelaksanaan 19 pakej kerja tambahan LPB Sabah membabitkan jajaran sepanjang 367km dengan tempoh pembinaan selama lima tahun.

Beliau berkata, fasa pertama LPB Sabah merangkumi 15 pakej, dijangka siap sepenuhnya menjelang Oktober 2024 dan kini mencapai 52 peratus kemajuan, manakala fasa pertama LPB Sarawak membabitkan jajaran 786km pula sudah mencapai 78 peratus kemajuan kerja setakat ini.

"Bagi melengkapi LPB Sarawak, kerajaan turut bersetuju untuk melaksanakan projek Sarawak-Sabah Link Road (SSLR) dan Projek Lebuh Raya Trans Borneo (LTB)," katanya.

Selain itu, Kabinet juga bersetuju meningkat dan menyegera-

kan projek tebatan banjir dengan tambahan perbelanjaan RM15 bilion untuk tempoh dari 2023 hingga 2030, mengambil kira fenomena banjir monsun Timur Laut 2021/2022 yang serius sehingga mengakibatkan kehilangan nyawa dan kerosakan harta benda.

Kerajaan katanya, pada masa ini menyediakan peruntukan pembangunan sebanyak RM1 bilion setahun bagi projek tebatan banjir di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12).

Mengulas keputusan terbaru kerajaan itu, penganalisis dan ahli ekonomi berpendapat sebarang projek mega seperti MRT3 dan Lebuh Raya Pan Borneo boleh menjadi pemangkin kepada ekonomi yang sangat baik dan strategik.

Penganalisis ekonomi dari Universiti Kuala Lumpur (UniKL) Business School, Prof Madya Dr Aimi Zulhazmi Abdul Rashid, berkata sewaktu dalam pembinaan lagi sesebuah projek mega mampu mencipta beribu peluang perniagaan besar dan kecil, selain, peluang pekerjaan secara

langsung atau tidak langsung.

"Misalnya, kesan langsung akan melimpah ke sektor pengangkutan, logistik, pemborong dan runcit, penginapan, makanan dan minuman, apatah lagi bila projek telah siap, pembangunan infrastruktur ini sememangnya ditunggu-tunggu oleh rakyat dan peniaga.

"Bandar-bandar baharu akan tumbuh di persimpangan lebuh raya baharu, peluang mendapat rezeki dari kemudahan ini terbuka luas. Ekonomi digital akan berkembang pesat apabila barang-barang lebih cepat sampai dan murah kos pengangkutan kerana infrastruktur yang lebih baik," katanya.

Ketua Ahli Ekonomi Bank Islam Malaysia Bhd, Mohd Afzanizam Abdul Rashid, berkata projek infrastruktur seperti MRT3 bakal mewujudkan permintaan terhadap bahan binaan, perkhidmatan rundingan kejuruteraan, arkitek dan kewangan.

"Langkah kerajaan meneruskan projek MRT3 mampu merancakkan ekonomi domestik, teru-

tama sektor pembinaan, pembuatan dan perkhidmatan yang terjejas selepas pandemik COVID-19.

"Setelah siap projek ini, ia bakal meningkatkan produktiviti negara serta daya tahan ekonomi. Umumnya, ia adalah sesuatu yang positif," katanya.

Bagi Pensyarah Kanan Putra Business School, Prof Dr Ahmed Razman Abdul Latiff, keputusan kerajaan melaksanakan projek tambahan infrastruktur di bawah RMK-12 adalah tepat dengan mengambil kira situasi semasa seperti projek penempatan banjir.

"Ini akan memastikan negara tidak akan kerugian setiap tahun akibat kemusnahan bangunan dan barangan akibat bencana banjir yang turut merencatkan pertumbuhan ekonomi.

"Selain itu, penambahan kerja infrastruktur untuk Lebuh Raya Pan Borneo dan pembinaan MRT3 akan membantu merancakkan lagi pertumbuhan ekonomi, terutama di Sabah dan Sarawak serta Lembah Klang," katanya.

Berita Harian | 12 March 2022 | Page 17

Kes rasuah projek RM29 juta

Dua suspek direman

Individu disyaki
terima suapan
daripada syarikat
penghantaran

Oleh Samadi Ahmad
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Dua lelaki terdiri daripada penolong pengurus operasi dan bekas pengurus bahagian kontrak sebuah syarikat penghantaran direman lima hari hingga 15 Mac ini bagi membantu siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berhubung rasuah projek bernilai RM29 juta.

Kedua-dua suspek berusia 54 dan 47 tahun ditahan SPRM kira-kira jam 4.30 petang kelmarin ketika hadir memberi keterangan, sebelum direman lima hari mulai semalam.

Menurut sumber, mereka disyaki menerima rasuah daripada syarikat penghantaran di antara 2019 hingga 2021 sebagai



Penolong pengurus operasi dan bekas pengurus bahagian kontrak sebuah syarikat penghantaran dibawa ke Mahkamah Majistret Putrajaya, semalam.

(Foto ihsan SPRM)

balasan membantu mendapatkan kerja penyediaan perkhidmatan pengangkutan syarikat itu membabitkan nilai projek kira-kira RM29 juta.

"Kegiatan itu dipercayai dilakukan bersama seorang lagi suspek berusia 43 tahun yang juga ketua perancang bahagian di syarikat penghantaran dan telah direman enam hari 8 Mac lalu.

Siasatan terhadap mereka dijalankan di bawah Seksyen 16

Akta SPRM 2009," katanya.

Susulan tangkapan itu, kedua-dua suspek dihadapkan di hadapan Majistret Shah Wira Abdul Halim yang meluluskan perintah reman selepas menerima permohonan Pegawai Pendakwa SPRM, Siti Zaharah Alias.

Sumber berkata, kegiatan itu dipercayai dilakukan bersama seorang lagi individu berusia 43 tahun yang sudah direman SPRM sejak 8 Mac lalu.

Berita Harian | 17 March
2022 | Page 21

Laporan isu kolam takungan diserah kepada SPRM

Kuala Lumpur: Laporan perunding bebas yang dilantik Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) berhubung dua kolam takungan banjir yang diberikan pemilikan, sudah diserahkan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) pada 31 Januari lalu.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Jalaluddin Alias, berkata ia susulan arahan SPRM supaya DBKL, melantik perunding bebas dalam usaha menangani isu projek pembangunan berkaitan kolam takungan banjir di Taman Wahyu dan Kolam Delima, di sini.

"Buat masa ini, isu berkenaan masih dalam siasatan pihak SPRM ke atas kedua-dua kolam, dan Kementerian Wilayah Persekutuan tidak boleh mengeluarkan sebarang kenyataan kerana ia boleh mengganggu proses siasatan.

"Bagaimanapun seperti diarahkan SPRM, DBKL sudah melantik Perunding Jurunkur Berlesen Bebas (IGS Consultant) untuk menyemak dan mengesahkan sama ada pembangunan yang dilaksanakan oleh penaja, iaitu Lake City KL North Sdn Bhd, berada dalam sempadan pemilikannya sahaja dan tidak memasuki dua kolam takungan banjir berkenaan," katanya pada sesi soal jawab lisan di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau menjawab soalan Hannah Yeoh (PH-Selangor) yang meminta kerajaan menyatakan status dan butiran terkini rancangan pembangunan di enam kolam takungan banjir di Kuala Lumpur.

Mengulas lanjut, Jalaluddin berkata, kerja pengukuran di kedua-dua kolam terbabit dilakukan pada 13 Januari lalu.

"Saya sekali lagi ingin menegaskan bahawa daripada enam kolam takungan banjir yang dimaksudkan, hanya dua diberikan kelulusan merancang.

"Itu pun membatalkan kawasan di pinggir kolam. Baki empat kolam lagi tiada kebenaran merancang diberikan," katanya.

Menjawab soalan tambahan Hannah sama ada kerajaan sudah mengenal pasti lokasi kolam takungan tambahan di Kuala Lumpur pula, beliau berkata, terdapat lapan kolam tambahan bawah tanah yang sudah beroperasi sejak 2016.

"Ada satu lagi dalam pembinaan membatalkan kolam takungan bawah tanah, iaitu di Taman Botani Perdana yang dijangka siap pada Ogos depan.

"Dengan adanya pembinaan kolam tambahan ini, pihak Kementerian dan kerajaan berharap ia serba sedikit dapat mencegah berlakunya banjir di Kuala Lumpur," katanya.

Berita Harian | 25 March 2022 | Page 1 & 16



9 termasuk Datuk direman kes rasuah institut automotif bernilai RM85 juta

Nasional 16



Semua suspek dipercayai ditahan di Ibu Pejabat SPRM di Putrajaya, petang kelmarin.
(Foto Ihsan SPRM)

Datuk antara 9 ditahan SPRM

Bantu siasatan kes projek RM85 juta babit sebuah institut automotif

Oleh Suzalina Halid
suzalina@bh.com.my

Kuala Lumpur: Sembilan individu, termasuk seorang bergelar Datuk ditahan reman oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi membantu siasatan berhubung nilai projek berjumlah RM85 juta membabitkan sebuah institut berkaitan

automotif di negara ini.

Sumber menyebut, semua suspek berusia antara 34 hingga 58 tahun termasuk seorang wanita, dipercayai ditahan di Ibu Pejabat SPRM di Putrajaya, petang kelmarin.

Katanya, semua suspek adalah empat pemilik syarikat dan masing-masing seorang penasihat perubatan, akauntan, pengarah syarikat, ketua eksekutif dan ketua pegawai operasi.

"Dua suspek lelaki yang ditahan enam hari itu dipercayai meminta dan menerima suapan lebih RM14.9 juta daripada tiga lagi suspek.

"Ia sebagai balasan membantu syarikat mereka mendapat geran menerusi tiga syarikat lain antara

ra 2018 hingga 2020," katanya.

Perintah reman antara tiga hingga enam hari bermula semalam, dikeluarkan oleh Majistret Shah Wira Abdul Halim ke atas semua suspek di Mahkamah Majistret, Putrajaya, semalam.

Sementara itu, Pengarah Kanan Bahagian Operasi Khas SPRM, Datuk Tan Kang Sai, yang dihubungi mengesahkan tangkapan dan reman itu.

Beliau berkata, semua suspek ditahan mengikut Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009 yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000, yang mana lebih tinggi jika sabit kesalahan.